

Bonus Tabung Haji 2011 enam peratus

PUTRAJAYA - Lembaga Tabung Haji mengumumkan kadar bonus sebanyak enam peratus bagi tahun 2011 yang akan diterima pen deposit pada Rabu depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, angka itu melibatkan pembayaran bonus sebanyak RM1.67 bilion, meningkat 25 peratus berbanding RM1.33 bilion pada tahun sebelumnya.

"Walaupun Tabung Haji akan membuat pembayaran bonus pen deposit sebanyak RM1.67 bilion daripada keuntungan tahun kewangan 2011, ia dilakukan dengan berhati-hati dengan keadaan persekitaran ekonomi global semasa yang masih mencabar," katanya pada sidang

akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, kadar bonus pen deposit Tabung Haji adalah kompetitif memandangkan pelaburan Tabung Haji terhadap pelaburan berlandaskan syariah sahaja.

Bagaimanapun katanya, bonus itu yang merupakan peningkatan 0.5 peratus daripada 2010 adalah lebih baik berbanding kadar pulangan akaun deposit tetap perbankan Islam.

Katanya, pendapatan Tabung Haji pada 2011

juga meningkat kepada RM2.2 bilion berbanding RM2.06 bilion pada tahun sebelumnya.

Jamil Khir berkata, dana pen deposit terkumpul Tabung Haji turut meningkat pada kadar 17 peratus tahun lepas kepada

RM31.7 bilion berbanding RM27.11 bilion pada 2010.

Tabung Haji memperuntukkan zakat perniagaan sebanyak RM44 juta berbanding RM 41 juta pada tahun sebelumnya, katanya. - Bernama



JAMIL KHIR (kanan) menunjukkan bonus Tabung Haji sebanyak enam peratus di Putrajaya semalam. Turut kelihatan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.